

>>Oleh Rosyahaida Abdullah
rosyahaida@hmetro.com.my

Peraduan 'Saya Perlukan MRT Kerana...'

Habuan RM10,000

KUALA LUMPUR: Seiring usaha menguar-uarkan kepentingan serta manfaat pengangkutan Transit Aliran Massa (MRT) kepada masyarakat umum, Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp) menganjurkan peraduan 'Saya Perlukan MRT Kerana...' yang dibuka untuk penyertaan sehingga 31 Disember ini.

Pertandingan menerusi laman web www.mrtmyride.com.my itu diwujudkan bagi memberi peluang kepada orang ramai mengemukakan cetusan kreativiti mereka mengenai pentingnya MRT menerusi slogan terbabit yang dilengkapi bersama sebarang bentuk gambar atau lakaran berkaitan peraduan.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awam MRT Corp, Amir Mahmood Razak berkata, sejak peraduan bermula 23 September lalu, pihaknya menerima kira-kira 1,600 penyertaan dengan pusingan (bulan) pertama sudah pun tamat dan pemenangnya juga bakal diumumkan pada penghujung bulan ini.

Katanya, bagi pusingan kedua dan ketiga, beliau mengharapkan penyertaan lebih

komunikatif bakal diterima terutama bagi gambar atau lakaran yang diharapkan luar biasa serta menepati slogan masing-masing.

"Pemilihan pemenang bagi

peraduan ini 100 peratus berdasarkan jumlah undian paling banyak. Justeru, peserta juga perlu berusaha meminta rakan atau ahli keluarga mereka mengundi di

"Pemilihan pemenang bagi peraduan ini 100 peratus berdasarkan jumlah undian paling banyak"

>Amir Mahmood Razak



FOTO | Nurul Shafina Jemenon

laman web kami sekiranya mahu menang," katanya kepada Harian Metro ketika ditemui di Pusat Bandar Damansara di sini, semalam.

Pihaknya menyoal keseluruhan penyertaan meningkat sehingga 8,000 dengan pusingan kedua yang berakhir 23 November ini dianggar menerima 3,000 penyertaan.

Pemenang pusingan akan menerima wang tunai RM5,000 sementara hadiah keseluruhan RM10,000.

Menurut Amir, projek pembinaan MRT dijangka siap pada 2017 itu perlu dilihat sebagai langkah terbaik ke arah usaha menggalakkan lebih ramai pengguna memanfaatkan pengangkutan awam khususnya di ibu kota.